



KENYATAAN MEDIA

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PERKUMPULAN RAMAI

Bandar Seri Begawan, Khamis, 31 Mac 2022

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai **pengemaskinian garis panduan bagi perkumpulan ramai yang akan dilaksanakan mulai hari Juma'at, 1hb., April 2022** yang mana **perkumpulan ramai adalah dibenarkan dengan kapasiti penuh di premis awam termasuk dewan dan restoran ATAU had maksima 300 orang, yakni yang mana lebih rendah**. Had kapasiti penuh di premis awam adalah tertakluk kepada penjarakan fizikal dengan sekurang-kurangnya satu (1) meter seperti di antara meja di restoran-restoran atau satu (1) meter di antara kerusi bagi majlis-majlis keramaian lain.

Sementara itu, had perkumpulan ramai di kediaman persendirian adalah **masih lagi dikekalkan iaitu seramai 30 orang** (tidak termasuk tuan rumah).

Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya pengusaha restoran dan kedai makan bahawa penyediaan makanan secara 'buffet' di restoran-restoran atau di rumah-rumah persendirian adalah **masih tidak dibenarkan**.

Syarat-syarat bagi pengemaskinian garis panduan ini adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu COVID-19 dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat www.jpm.gov.bn.

Marilah kita terus menadah tangan untuk berdoa dan bertawakal kehadiran Allah *Subhanahu Wata'ala* agar kita semua dan Negara Brunei Darussalam supaya terus dipelihara, dirahmati, aman damai, selamat dan sejahtera. *Amin ya rabbal 'alamin*.

JAWATANKUASA PANDU COVID-19

Negara Brunei Darussalam

28 Sya'ban 1443

31 Mac 2022



MEDIA STATEMENT

UPDATED GUIDELINES ON MASS GATHERINGS

Bandar Seri Begawan, Thursday, 31st March 2022

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee hereby announces **updates to guidelines on mass gatherings which will be implemented starting Friday, 1st April 2022**, whereby mass gatherings are permitted with the **maximum capacity of public premises including halls and restaurants OR a maximum capacity of 300 people, whichever is the lesser number**. Maximum capacity of public premises is subject to physical distancing of at least one (1) meter between tables in restaurants, or one (1) meter between chairs for other mass gathering events.

Meanwhile, the capacity for mass gatherings in respective home residences is **still maintained at a maximum of 30 people** (excluding host of event).

The COVID-19 Steering Committee also wishes to remind the public, particularly owners of restaurant and eateries, that preparation of food in the form of buffet in restaurants or home residences is **still not permitted**.

The updated guidelines are subject to observations made by the COVID-19 Steering Committee from time to time. Further information and details can be found on the Prime Minister's Office website at www.jpm.gov.bn.

Therefore, we must continue to pray, and have faith in Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* that Brunei Darussalam will continue to be blessed, peaceful, safe and prosperous. *Amin ya rabbal 'alamin*.

COVID-19 STEERING COMMITTEE

Brunei Darussalam

28th Sya'ban 1443

31st March 2022